IDEA-IDEA KREATIF

untuk

PENGAJIAN ALKITAB

Hidup!

Menguji
&
Mengasingkan!

Aktif!

Tajam!

Menusuk ke dalam!
(piercing)

Dibawa kepada anda oleh:

fes

Idea-Idea Kreatif untuk Pengajian Alkitab

Kandungan

1 Mengenalpasti Kreativiti Anda 2

2 Pengajian Alkitab yang Asas 7

3 Pengajian Alkitab yang Menarik 13

4 Idea-idea untuk Lebih Penglibatan 25

Semua petikan Alkitab adalah diambil dari Alkitab Bahasa Indonesia (dalam terjemahan baru) kecuali yang ditandakan (ABB), iaitu Alkitab Berita Baik dalam Bahasa Melayu.

© Ada Lum (August, 2002)
Bible Institute of Hawaii
905-A Makahiki Way
Honolulu, Hawaii 96826

Penterjemahan Bahasa Melayu
© Fellowship of Evangelical Students Malaysia

Penterjemah: Andrea Kok & Chan Yoke Yee
Editor: Thomas Rabang & Loh Kim Cheng
Pereka Bentuk: Doris Lee

1 Mengenalpasti Kreativiti Anda

Tolong! Saya seorang pemimpin kumpulan pengajian Alkitab!

"Kumpulan pengajian Alkitab kami bermula dengan 8 orang. Sekarang hanya tinggal 3 sahaja. Apakah yang boleh saya lakukan?" Setiap orang mula memimpin sesuatu kumpulan penuh dengan semangat, kerana mungkin mereka pernah alami 'perbincangan Alkitab yang hebat dan memberangsangkan'. Lama-kelamaan, mereka mula berasa letih dan lemah semangat sebagai pemimpin.

Terdapat beberapa sebab mengapa orang berhenti menghadiri kumpulan pengajian Alkitab.

- Bukan sesuatu yang mereka harapkan.
- Pelajaran yang dikaji tidak relevan atau selalu diulangi.
- Masa dan lokasi tidak sesuai.
- _____
- _____
- _____
- _____

Masalah Asas

Di sebalik tanda-tanda ini selalunya adalah kekurangan pemikiran kreatif – ketakutan atau tidak mampu berfikir di luar daripada cara tradisi. Seorang pemimpin yang efektif mestilah berani berfikir dan bertindak di luar kongkongan tradisi.

Dalam kumpulan kecil Fikirkan seorang pemimpin yang efektif yang pernah anda perhatikan atau ikuti--selain dari Yesus. Dengan cara apakah dia telah berfikir dan bertindak di luar kongkongan tradisi? Apakah hasil tindakannya?

A. Anda Lebih Kreatif Daripada Yang Anda Fikirkan

Definasi Kreativiti adalah kemampuan untuk menghasilkan sesuatu yang baru atau segar, yang berpotensi menjadi sesuatu yang berguna kepada manusia.

Adakah anda berfikir bahawa diri anda tidak kreatif? Jika ya, anda telah mengutukkan diri anda pada tahap sederhana! Bagaimanakah firman Tuhan di bawah ini mencabar anda?

> Berfimanlah Allah: "Baiklah Kita menjadikan manusia menurut gambar dan rupa Kita, supaya mereka berkuasa atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas ternak dan atas seluruh bumi dan atas segala binatang melata yang merayap di bumi." (*Kejadian 1:26*)
>
> Segala sesuatu yang dijumpai tanganmu untuk dikerjakan, kerjakanlah itu sekuat tenaga. (*Pengkhutbah 9:10a*)
>
> Dan segala sesuatu yang kamu lakukan dengan perkataan atau perbuatan, lakukanlah semuanya itu dalam nama Tuhan Yesus, sambil mengucap syukur oleh Dia kepada Allah, Bapa kita. (*Kolose 3:17*)
>
> Jawab Yesus: "Hukum yang terutama ialah: Dengarlah hai orang Israel, Tuhan Allah kita, Tuhan itu esa, Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap akal budimu dan dengan segenap kekuatanmu." (*Markus 12:29-30*)

Sekarang beritahu Tuhan bagaimana firmanNya di atas mencabar anda.

Pencipta dan Bapa kami semua, ampuni saya bila saya memandang rendah pekerjaan tanganMu dalam diri saya. Beginilah cara FirmanMu mencabar saya

_____

_____

_____

_____

Kreativiti Kita diamanahkan

Hanya Tuhan sahaja yang asli iaitu 'original'. Tetapi Dia telah mengamanahkan kreativitiNya kepada kita. Apabila kita melakukan yang terbaik untuk menghadapi sesuatu cabaran dengan apa sahaja sumber yang ada – samada dilihat atau tidak boleh dilihat, kita menunjukkan kreativiti. Dalam apa jua kejayaan, kita mesti ingat yang kita berdiri "di atas bahu" mereka yang pernah melaluinya sebelum kita.

Ciri utama kreativiti adalah keupayaan untuk meniru dengan cara yang berguna. Dalam buku kerja ini, kita telah mengumpul beberapa idea yang pernah digunakan dalam memimpin kumpulan dan dalam mengajar Alkitab. Tiada satu idea yang benar-benar asli. Ada yang merupakan penyesuaian. Ada diantaranya adalah peniruan secara langsung daripada orang lain yang menggunakannya dengan efektif, contohnya muka surat 24. Tambahlah idea anda!

Uji pemikiran kreatif anda.

Dalam 4 kumpulan, fikirkan secara rambang (brainstorm) seberapa banyak kegunaan yang mungkin untuk setiap jenis bahan berikut: seketul bata, penyangkut baju dibuat daripada dawai, sebiji bola getah dan satu pembaris kayu. Seorang dipilih untuk mencatat semua idea tersebut. Selepas *10 minit*, berkumpul semula untuk mendengar laporan dari setiap kumpulan.

Peringatan: Dalam 'brainstorming', semua orang perlu memberi cadangan dengan bebas dan cepat. Tidak dibenarkan memberi komen atau kritikan.

Bagaimanakah anda mendapat idea anda? Anda telah berfikir secara kreatif apabila anda menggunakan

- **analogi** – 'Batu-bata ini seperti bantal.'
- **perkaitan (association)** – 'Penyangkut baju ini membuat saya fikirkan hiasan yang bergerak bila ditiup angin.'
- **pertukaran penekanan (shift of emphasis)** – 'Bola bukan hanya untuk bermain. Ia boleh digunakan untuk menyelamat dari lemas.'
- **bertentangan (contrast)** – 'Anda boleh guna pembaris ini untuk memukul anak yang nakal.' 'Anda boleh gunakannya untuk memberi pukulan ringan sebagai galakan.'
- **perkembangan (progression)** – 'Ambil langkah seterusnya. Berikan pembaris ini sebagai satu hadiah.'

Perhatikan bagaimana anda boleh atau harus gunakan pemikiran kreatif dalam suatu kajian Alkitab. Contohnya, dalam *Yohanes 3:1-2*, 'Pada pendapat anda, mengapakah Nikodemus datang berjumpa Yesus pada waktu malam?'

- **analogi** – 'Ini kedengaran seperti gereja bawah tanah di China.'
- **perkaitan** – 'Malam, kegelapan selalu dikaitkan dengan rahsia. Nikodemus ingin merahsiakannya kerana dia takut dengan apa yang orang Farisi fikirkan.'
- **bertentangan** – 'Saya fikir Nikodemus tidak hirau apa yang rakan sejawatnya akan fikirkan. Saya fikir dia terlalu terpesona oleh Yesus dan hanya ingin meluangkan masa bersamanya.'
- **pertukaran penekanan** – 'Yalah.. waktu malam sahaja yang tinggal untuk perbincangan peribadi apabila dia dan Yesus telah habis kerja pada hari itu.'
- **perkembangan** – 'Seperti yang telah berlaku, Nikodemus mempunyai soalan asas yang telah membawa perbincangan yang mendalam dengan Yesus. Mereka mesti tidak tidur semalaman!'

Cubakannya?! Gunakan pemikiran kreatif untuk *Yohanes 3:10-12. Di sini, Yesus seperti menyelahkan Nikodemus. Tetapi apakah sebab-sebab Yesus bercakap sedemikian dengan Nikodemus?*

B. Ciri-ciri Seorang Kreatif

Di bawah adalah ciri-ciri yang terdapat dalam orang yang kreatif pada masa lampau dan sekarang – penulis, pemimpin, arkitek, ahli sains, pelukis, guru-guru, pekerja social, orang yang terdanpar di pantai (castaways) dan lain-lain. *Berikan nilai 1 hingga 3 untuk setiap ciri untuk mengetahui berapa kreatif anda. Kemudian, jumlahkan markah anda.*

1 = tidak berapa; 2 = normal; 3 = sangat

	Tidak berapa	Normal	Sangat
Ingin tahu			
Asli (original); berdaya cipta			
Menggunakan daya khayalan (imaginative)			
Berdikari			
Tajam daya pemerhatian			
Analitik (analytical)			
Berkeyakinan diri			
Lancar			
Rumit			
Berani			
Tidak suka mengikut			
Tajam daya tabggapan/persepsi			
Fleksibel			
Berdisiplin			
Berani mencuba			
Terbuka			
Tidak puas			
Beri banyak huraian			
Sanggup mengambil risiko gagal			
Sensitif			
Menurut gerak hati			
Cergas			
Kukuh			
Jujur			
Bertindak sebelum berfikir (impulsive)			
Berani bersosial			
Kelakar			
Kritik-diri			
Jumlah kecil:			

Jumlah besar: [ ]

Jika anda mendapat markah antara 64-84, anda tidak perlukan kelas ini.

Jika anda mendapat markah antara 36-63, kita boleh bantu anda menjadi lebih kreatif.

Jika anda mendapat markah antara 28-35, kita tidak dapat beri anda banyak bantuan.

C. Empat Langkah dalam Proses Kreatif

Anda tidak perlu memahami bahasa Thai untuk mengecam apa yang dijelaskan dalam gambar-gambar mengenai 4 langkah dalam proses kreatif. *Apakah yang sedang berlaku pada setiap tahap?*

ทำงานสร้างสรรได้อย่างไร?

(1.) การเตรียมตัว
(จินตนาการ)
คิดถึงความเป็นไปได้ทั้งหมด



(2.) บ่มฟัก
(สงบอยู่ภายใน)
ให้ความคิดของคุณเพาะตัว

(3.) ทำให้ชัดเจน
(รวบรวม)
อะฮ้า! นี่แหละ

(4.) ผลิตผล
(นำมาปรับใช้ และปรับปรุง)
ทำสิ่งที่คุณคิดออกมา

2 Pengajian Alkitab yang Asas

Kiha adalah seorang kontraktor am. Dia menjadi seorang Kristian semasa belajar di universiti, tetapi tiada sesiapa mengajarnya mengkaji Injil Alkitab. Dua tahun yang lepas dia menyertai satu kumpulan mengkaji Injil Lukas secara induktif. Setiap minggu dia berasa lebih gembira. "Saya boleh baca dan memahami Alkitab! Ia seperti membaca suratkhabar sahaja."

Dia belajar mengkaji Alkitab secara tidak formal. Mengikut penunjuk ketua kumpulan, dia bersama dengan yang lain memerhatikan teks, memikir secara teratur apa yang dimaksudkan oleh penulis, merenung akan aplikasinya. Kini dia mengetuai satu pengajian Alkitab di rumahnya, satu lagi di rumah bapanya, yang sebelum ini langsung tidak ambil peduli.

A. Pendekatan Induktif

Pendekatan induktif bagaikan kerja detektif. Dalam kes pembunuhan, seseorang detektif akan 1) kumpul semua fakta dan penunjuk, 2) menguji teori-teori yang berkemungkinan serta motif (niat) si pembunuh sambil sentiasa merujuk kepada bukti, sebelum mereka 3) menyimpulkan secara sah siapa pembunuhnya.

Kita memilih istilah Pendekatan Induktif daripada cara induktif. Seorang induktif yang serius menggunakan sejarah dan tatabahasa, logik / bicara, hukum kesusasteraan sebagai perkakas. Dia akan syaki pada kaedah yang subjektif. Dalam kedua-dua kes kita mengikuti langkah-langkah yang asas.

M Memerhati fakta yang nyata dan yang terselindung dalam teks Alkitab
(O = Observe)

T Tafsirkan fakta-fakta tersebut mengikut pandangan pengarang
(I = Interpret)

R Renungkan mesejnya dan kaitannya dengan kita hari ini
(R = Reflect)

A Aplikasikan ajaran tersebut dalam hidup secara praktikal
(A = Apply)

B. Tingkap dan Pintu Memasuki Alkitab

Pendekatan induktif diperluaskan

Bayangkan Alkitab sebagai sebuah rumah besar dengan banyak tingkap di mana kamu boleh intip ke bilik-bilik dan banyak pintu masuk untuk meninjau bilik-biliknya. Tidak semua pintu sesuai untuk setiap orang. Budaya media masa sekarang serta nilai-nilai selepas era moden memaksa kita menerima banyak lagi cara yang sah untuk mengkaji Firman Tuhan. Pelajar yang serius memakai sebanyak mungkin pintu dan tingkap untuk tujuan melengkapi diri sendiri dan berkesan sebagai hamba Tuhan.

Kaji gambarajah di bawah yang ada 12 tingkap dan pintu untuk mengkaji Alkitab. *Yang manakah pernah anda gunakan? Lukiskan panah daripada tingkap dan pintu kamu untuk memasuki Alkitab.*

12. pengalaman
(experience)

11. aspek sejarah dan tatabahasa
(historico-grammatico)

1. membayangkan / didramakan
(visualization/dramatization)

10. respon emosi
(emotional response)

2. pemahaman psikologi
(psychological insights)

9. pemahaman semasa
(contemporary understanding)

3. turut merasakan bersama watak–watak
(identification with characters)

8. hukum kesusasteraan
(literary laws)

4. logik / pertimbangan
(logic/reasoning)

7. sejarah gereja
(church history)

5. perbandingan budaya
(cultural comparisons)

6. intuisi/gerak hati
(intuition)

Cubakannya?! Baca *Matius 15:21-28.* **Konteks:** Yesus baru habis perbalahan yang hangat dengan para pengkritiknya (15:1-20). Dia dan pengikutNya sekarang berada di negeri asing.

Selidiki soalan dan kenyataan di bawah. *Pintu atau tingkap yang manakah dicadangkan oleh setiap soalan di bawah?* Beri nombor mengikut gambarajah pada mukasurat 8. Kamu tidak perlu menjawab soalan-soalan ini sekarang tetapi boleh digunakan sebagai pengajian Alkitab kemudian).

4 a. Yesus mengundur secara geografi daripada musuhnya selepas perbalahan mereka. *Adakah Yesus beraksi seperti seorang pengecut atau seorang yang munasabah? Jelaskan.*

3, 4,5 b. Kamu salah seorang pengikut (Yahudi) yang telah menyaksikan Yesus dalam perbalahan tadi. Kamu sekarang berada di tanah asing dan seorang ibu yang tidak percaya merungut kepada Yesus. *Betapa benar kamu rasa untuk beritahu Yesus supaya menghalau dia?*

___c. *Dalam bahasa harian kini, bagaimana kamu boleh menggambarkan keadaan mental wanita itu?*

___d. Bila Yesus respon kepada wanita itu, dia macam tidak mengambil berat (ay. 23), menyingkirkan (ay. 24) dan kemudiannya menghina (ay. 26). Pada penghujungnya pula dia memuji wanita itu kerana kepercayaannya yang luar biasa. *Jadi, apakah fikiran dan perasaan Yesus yang sebenarnya sewaktu interaksi mereka?*

___e. *Pernahkah kamu asyik merungut kepada Tuhan dengan satu permintaan seperti wanita ini? Apa telah berlaku?*

___f. Lakonkan adengan wanita menuntut penyembuhan anak perempuannya daripada Yesus. (Seorang boleh membacakan bab ini secara dramatik, sementara dua orang lakonkan watak Yesus dan wanita).

___g. Tiada komen lain dicatat mengenai pengikut-pengikutnya, selain daripada mereka menghalau wanita itu dengan cara yang kasar dalam ay. 23. Tetapi, memang mereka memerhatikan segala yang telah berlaku. Pertimbangkan keseluruhan peristiwa melalui persepsi mereka. *Bagaimana agaknya emosi mereka berubah daripada ay. 21 ke ay. 28?*

___h. **Pada tahap jemaah/gereja:** Sejarah menunjukkan Injil hanya boleh disebarkan apabila orang Kristian keluar daripada zon selesa mereka dan menjangkau dengan kumpulan etnik lain. Bandingkan sikap dan kelakuan Yesus terhadap "orang asing" dengan sikap dan kelakuan gereja kamu terhadap mereka. *Bagaimanakah gereja kamu perlu berubah dalam hal ini?*

___i. **Pada tahap individu:** *Adakah keluarga kamu juga mengalami masalah yang sukar? Bagaimanakah ketekunan wanita itu dengan Yesus menggalakkan kamu untuk terus meminta pertolonganNya?*

Membayangkan: Tingkap Pertama Kamu

Inilah tingkap pertama supaya dapat melihat dengan teliti – membayangkan. Pengarang riwayat / cerita mencatat butiran tertentu daripada adengan sebenar *untuk menolong kita memasuki peristiwa yang digambarkan.* Lebih kita lakukan, lebih baik pemahaman kita terhadap mesej pengarang.

Cubakannya?! Baca *Lukas 5: 1-11* dengan kuat bersama perasaan yang sesuai. Patah balik dan lihat apa yang mungkin berada di sana –kedudukan fisikal, masa pada hari itu, apakah wajah beberapa orang pada setiap babak yang berubah, perbuatan dan interaksi antara satu sama lain, perasaan mereka.

Aktiviti berkumpulan Untuk aktiviti kumpulan, minta seorang membaca keseluruhan teks dengan suara yang kuat. Kemudian, sementara ahli yang lain menutup mata, si-pembaca baca dari ayat ke ayat, diikuti dengan soalan, "Apa kamu nampak? Apa kamu dengar? Apakah perasaan kamu?" Setiap orang boleh menyatakan apa yang mereka lihat, dengar atau rasa. Tiada kesimpulan, hanya latihan.

Membayangkan yang bukan riwayat / cerita

Cerita dalam Alkitab secara umum senang dibayangkan. Yang lebih mencabar ialah surat dalam Perjanjian Baru, Mazmur, Amsal, buku-buku nubuat sebab mereka lebih abstrak daripada cerita, mengandungi perdebatan logik dan idea-idea mendalam.

Namun adalah mungkin dan sama hasilnya jika boleh membayangkan orang-orang yang terlibat. Sebagai contoh, melihat surat Paulus kepada Filemon. Bayangkan Paulus, Filemon, gereja mudanya, di depan mata dunia – kekhuatiran Paulus atas Filemon dan gereja itu, kasihnya terhadap Tuhan dan Kebenaran, prihatin menyelesaikan isu, masalah sengit yang dihadapi, sifat Filemon yang sensitif, reaksi yang mungkin, kesannya atas Onesimus, seorang pengikut Kristus yang baru.

Identifikasi (Turut merasa bersama watak-watak): Pintu Terutama

Dalam bukunya tentang penginjilan yang dijual dengan laris, *Out Of The Salt Shaker*, Becky Pippert menceritakan tentang Lois, kawannya semasa di Universiti Stanford. Lois telah menerima jemputan untuk menghadiri satu perbincangan Alkitab di kampus dengan satu peringatan, "Ok, saya datang. Tapi Alkitab tidak ada apa untuk dikatakan kepada saya."

Sebelum perbincangan dimulakan, Becky mendapat tahu bahawa Lois tinggal di luar kampus dengan teman lelakinya, Phil. Yang mengejutkan ialah Phil turut menemani Lois ke perbincangan tersebut. Becky telah membuat persediaan untuk mengkaji kisah wanita Samaria di perigi, dari Yohanes 4. Becky terus bercerita.

> Tiba-tiba saya teringat bab ini adalah mengenai seorang wanita yang ada masalah seksual. Saya berasa bimbang yang Lois akan berfikir saya telah merancang ini untuknya. Mengambil langkah iman, dalam keadaan hilang akal saya cuba fikirkan sesuatu (apa harus dilakukan semasa semua orang mengambil alih baca satu ayat dalam kumpulan). Giliran Lois membaca bahagiannya, "Kata Yesus kepadanya, 'Betullah katamu engkau tidak bersuami ... lelaki yang engkau tinggal dengannya sekarang ini bukanlah suamimu." Itulah pertama kalinya dia membaca Alkitab dan matanya terbeliak...
>
> "Wah, ini lebih berkaitan daripada jangkaan saya." katanya. Apabila dia mula sedar akan sensitiviti dan persepsi Yesus semasa bergaul dengan wanita yang sepi ini, perasaan terharu Lois terpapar pada mukanya.

Hari keesokannya, sesuatu yang lebih menarik berlaku apabila Lois dan Becky berbincang lagi – Lois menjadi seorang Kristian, pindah keluar dari bilik Phil. Phil pula naik marah tetapi akhirnya juga mempercayai Yesus! Mereka telah melihat diri mereka dalam wanita Samaria itu.

Bagaimana memasuki pintu identifikasi?

- *Mengetahui* bahawa masalah manusia yang terdapat dalam Alkitab adalah sama dengan masalah kita.
- *Menerima* bahawa kita sama sahaja dengan mereka yang terdapat dalam Alkitab – baik dan jahat, berdosa tetapi berpotensi untuk kebaikan yang kekal.
- *Mempercayai* janji-janji Tuhan dan menerima penyelesaiannya ke atas masalah kita.

Cubakannya?! Baca sekali lagi *Lukas 5:1-11*. Sambil merenung pertemuan antara para pengikut dengan Yesus, tanyalah soalan-soalan ini (mereka sejajar dengan kenyataan di atas).

1. Mengenalpasti masalah para pengikut. *Apakah yang benar mengenai kehidupan? Apakah persamaan antara masalah mereka dengan kita?*

2. Simon Petrus pernah berjumpa dengan Yesus tidak lama dahulu (*Yohannes 1:40 –42*). Perhatikan bagaimana dia bertindak dan berinteraksi dengan Yesus. *Apa yang menunjukkan dia seorang manusia yang biasa? Apa yang sedang dalam pergumulannya? Apakah persamaan antara Simon Petrus dengan kamu dan saya?*

C. Teks dan Apa Kita Katakan Mengenai Teks
Menguji tanggap M T R A kamu

Untuk memerhatikan dan mentafsirkan Alkitab kita mestilah mempunyai keupayaan untuk mengasingkan apa yang dimakdsudkan dan dikatakan oleh teks itu daripada apa yang dikatakan oleh orang lain mengenai teks itu.

a. **Fakta mengikut teks**	Apa yang sebenarnya dikatakan olah Alkitab
b. **Pengetahuan am**	Apa yang diketahui daripada sumber lain
c. **Implikasi**	Apa yang disimpulkan (tidak dikatakan secara terus; fakta yang terselindung)
d. **Pandangan**	Apa yang dicadangkan sebagai pandangan yang berkemungkinan
e. **Membayangkan**	Apa yang boleh digambarkan dalam minda seseorang
f. **Tafsiran**	Apa yang dimaksudkan oleh pengarang dalam mesejnya
g. **Identifikasi**	Apa yang boleh dikaitkan dengan kita
h. **Aplikasi**	Apa yang dianggap berkaitan dan boleh dipraktikkan oleh kita hari ini
i. **Pendapat yang tidak berdasarkan kenyataan(spekulasi)**	Apa yang dijadikan teori dengan sedikit atau tanpa dasar teks
j. **Mengrohanikan**	Apa yang nyata dan kukuh dijadikan simbol rekaan/khayalan

Cubakannya?! Baca *Lukas 5:12-16.* Padankan setiap kenyataan dibawah dengan penjelasan di atas.

___ 1. Dalam zaman Alkitab mereka yang berpenyakit kusta diarahkan menetap di luar masyarakat, dekat dengan kubur, dipisahkan daripada keluarga dan kehidupan biasa yang lain.

___ 2. Walaupun lelaki itu rendah diri, dia juga yakin yang Yesus boleh menyembuhnya.

___ 3. Yesus benar-benar mahu menyembuhkannya, tetapi tidak mahu dijangkiti kusta, jadi hanya berpura-pura menyentuhnya.

___ 4. Jika saya lelaki itu, saya memang akan terkejut jika mendapati Yesus menghampiri saya.

___ 5. Penyakit kusta bukan sekadar masalah kulit, tetapi secara dalaman – kesunyian, rendah penghargaan diri, tiada harapan, perasaan disingkirkan yang kuat.

___ 6. Bayangkan, adengan yang mengejutkan di mana Yesus menghulurkan tangannya, menyentuh lelaki itu yang dipenuhi kusta, diselubungi luka, nanah dan darah kering!

___ 7. Lukas memberitahu kita bahawa lelaki berkusta itu mewakili kita. Lukanya adalah dosa kita. Dia berkata bahawa sentuhan Yesus yang menyembuhkan adalah kematiannya atas salib untuk kita.

___ 8. Kemungkinan Yesus menggunakan psikoloji terbalik, apabila menyuruh lelaki itu jangan sebut hal penyembuhannya. Dia sebenarnya ingin mengkhabarkan berita ini supaya Dia boleh menolong lebih ramai orang.

___ 9. Perjanjian Lama mengandungi banyak peraturan kesihatan yang munasabah untuk masyarakat.

___10. Jika Tuhan melakukan sesuatu yang hebat untuk kita, kita patut memberitahu yang lain untuk memuliakan namanya.

___11. Nampaknya lelaki itu tidak mengikut arahan Yesus yang tegas, saya juga mungkin akan melakukan yang sama.

___12. Saya ingin tahu jika Yesus marah dengan lelaki itu kerana tidak menurut arahan dan membawa masalah pada pelayanannya.

___13. Hari ini ramai orang datang kepada Tuhan hanya untuk penyembuhan fizikal, tetapi tidak mengubah cara hidup mereka. Gereja kita hendaklah mengajar secara seimbang antara penyembuhan fizikal dengan perubahan hidup.

___14. Melalui peristiwa ini, Lukas menunjukkan kepada kita Yesus yang berbelas kasihan mempraktikkan keseimbangan yang satu lagi – antara melayani orang lain dan masa bersendirian dengan Tuhan dalam doa.

___15. Perkara utama dalam cerita ini ialah kita semua berkusta secara rohani dan hanya Yesus boleh membersihkan dosa kita.

___16. Gereja kita cenderung menjadi golongan pertengahan. Kita harus hapuskan sikap terhadap yang disingkir oleh masyarakat.

___17. Saya perlu tetapkan satu masa dan tempat untuk bersendirian dengan Tuhan untuk mengenaliNya dan kehendakNya dengan lebih baik lagi.

3 Pengajian Alkitab Yang Menarik

Sekarang kita bersedia untuk mengkaji dan menggunakan pelbagai kaedah pengajian Alkitab yang menarik. Kaedah ialah perkataan yang baik – iaitu bagaimana kita menyempurnakan suatu tugas. Malangnya ada sebahagian orang berfikir 'Jikalau saya ada kaedah yang baik, saya akan mendapat keputusan yang saya ingini'. Tetapi kaedah merupakan satu alat bukannya satu peluru perak. *Satu kaedah yang bagus adalah sebaik dengan orang yang belajar menggunakannya.*

Kaedah Sweden

Kaedah ini betul-betul datang dari Sweden. YMCA telah memperkenalkan kaedah Vasteras pada tahun 1870-an sempena nama bandar di mana ia bermula. Anda akan dapati ini adalah satu lagi cara menggunakan MTRA. Ia membimbing anda untuk--

1) mengenal pasti fakta yang dikehendaki: ***sesuatu mengenai Tuhan*** ↑
sesuatu mengenai manusia/sifat manusia ↓

2) berinteraksi dengan petikan/tek: ***sesuatu yang menimbulkan persoalan*** ?
sesuatu yang baru/segar kepada anda !

3) mencari aplikasi: ***sesuatu untuk dituruti*** →

Di ruang tepi Alkitab anda, tandakan penemuan dan perhubungan (interaksi) anda dengan menggunakan simbol di atas atau anda boleh mengikut corak yang berada di muka surat 14.

Latihan: Menggunakan Kaedah Sweden – Matius 5:43-48

Konteks Dalam *Matius 5:21-48*, Yesus telah mencabar pandangan tradisional tentang hukum Allah. Yesus memberi enam contoh yang mengejutkan tentang apa yang Allah maksudkan. Perbuatan merupakan tekanan guru agama. Yesus menekankan tentang sifat hati terhadap Tuhan dan orang lain. ***Objektif hukum Allah ialah untuk membebaskan kita daripada sifat manusia yang berdosa supaya kita boleh merupai Tuhan.*** Petikan dalam *Matius 5:43-48* ialah contoh Yesus yang keenam dan terakhir.

Cari ***faktor yang nyata dan yang terselindung*** mengenai Tuhan dan manusia/sifat manusia. ***Faktor yang nyata*** ialah yang boleh anda lihat dalam petikan. ***Faktor terselindung*** adalah yang di bawah permukaan.

↑ Sesuatu mengenai Allah (Bapa, Anak, Roh Kudus)

ay.43 *Yesus menunjuk wibawa dan mencabar salah tafsir yang biasa berlaku terhadap hukum dalam Perjanjian Lama.*
ay.44 *Dia berani, mengarah pengikutnya mengasihi musuh mereka!*
ay.45a _____
ay.45b _____
ay.48 _____

Nota: "Love your neighbour and hate your enemy" (NIV) diterjemah sebagai "Kasihilah sesamamu manusia dan bencilah musuhmu" (A.B. Indonesia) dan "Kasihilah sahabatmu dan bencilah musuhmu" (A. Berita Baik).

↓ Sesuatu mengenai manusia (sifat manusia)

ay.43-44 *Kita biasanya menyayangi sahabat (yang sesama kita) dan benci musuh kita.*
ay.46-47 _____
ay.44,48 _____

? Sesuatu yang tidak difahami

ay.43 *Maksud Yesus tentang 'sesama manusia' (neighbour)?*

Sesuatu yang baru/segar (memberi kesedaran)

ay.44 *Berdoa untuk musuh merupakan langkah pertama menyayangi mereka.*
ay.45 *Betapa universalnya kasih Allah dalam Dia memberkati musuhNya dengan keperluan asas!*
ay.48 *Yesus menganggap anak muridnya boleh menjadi sempurna*

Nota: Dalam bahasa Yunani, sempurna bermaksud matang, menjalankan kewajipan mengikut umur; yang sudah mencapai matlamatnya.

→ Sesuatu untuk dituruti

ay.44 *Saya akan bekerja keras untuk menyayangi* _____. *Saya akan bermula dengan berdoa untuk dia dan mencari sesuatu yang baik untuk dilakukan kepadanya.*

_____
_____
_____

Cubakannya?! Kajilah Yunus 1 dengan Menggunakan Kaedah Sweden.

↑ Sesuatu mengenai Allah

↑ Sesuatu mengenai manusia (sifat manusia)

? Sesuatu yang tidak difahami

Sesuatu yang baru/segar (memberi kesedaran)

→ Sesuatu untuk dituruti

Dalam kumpulan kecil Kongsikan hasil usaha kajian anda. Bermula dengan soalan-soalan yang timbul mengenai petikan teks. Ahli kumpulan bekerjasama untuk menjawab soalan itu. Tolong sesama diri untuk tetap pada petikan. Pastikan anda mempunyai masa untuk 'sesuatu untuk dituruti'. Akhiri dengan doa.